# Panduan Permohonan PTPTN

| Proses Permohonan PTPTN |
|---|

## I. Syarat-Syarat permohonan

a. Warganegara Malaysia;
b. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
c. Mendapat tawaran ke IPTA/ IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
d. Kursus yang diikuti oleh pelajar IPTA/ IPTS dan Politeknik mestilah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan berdaftar dengan PTPTN;*
e. Bagi pelajar-pelajar IPTS, kursus yang diikuti mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan masih di dalam tempoh sah laku semasa tarikh memohon;
f. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan berbeza pengesahan perlu diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan di atas;
g. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun;
h. Telah membuka akaun SSPN-i/ SSPN-i Plus**.

## II. Persediaan sebelum permohonan Online

a. Buka akaun simpanan Bank Islam (Bank Panel bagi Universiti Malaya)

b. Buka akaun SSPN-I melalui pejabat PTPTN berhampiran atau di Maybank, Bank Islam, Agrobank atau Bank Rakyat

c. Beli nombor pin PTPTN di Bank Simpanan Nasional (BSN) *sah untuk 3 bulan

d. Pastikan anda telah mendapat surat tawaran rasmi dari UMCCED (Surat Tawaran Bersyarat **TIDAK BOLEH** digunakan untuk pinjaman PTPTN)

## III. Proses Permohonan Online

a. Layari laman web https://www.ptptn.gov.my/

b. Untuk cara-cara permohonan online, sila rujuk manual permohonan di link https://www.ptptn.gov.my/images/fail/manual/manual_mhn_online_pin_online.pdf

UNIVERSITI MALAYA

## IV. Jadual permohonan online

| Tarikh Permohonan Pinjaman | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Semester 1** | Kelompok 1 | : | 01/06 - 30/06 | Kelompok 2 | : | 01/07 - 31/07 |
| **Semester 2** | Kelompok 1 | : | 01/08 - 31/08 | Kelompok 2 | : | 01/09 - 30/09 |
| **Semester 3** | Kelompok 1 | : | 01/01/ - 31/01 | Kelompok 2 | : | 01/02 - 28/02 |

*status permohonan boleh disemak di laman web PTPTN selepas 6 hari bekerja setelah tamat tempoh permohonan.

## V. Jadual pembayaran pinjaman

| Maklumat Bayaran Pinjaman (Peminjam Sediaada) | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Semester 1** | **Kelompok 1** | | | **Kelompok 2** | | |
| | PTPTN hantar data Ke IPT | : | 1/6 | PTPTN hantar data Ke IPT | : | 17/6 |
| | PTPTN terima status pengajian pelajar daripada IPT | : | 14/6 | PTPTN terima status pengajian pelajar daripada IPT | : | 28/6 |
| | PTPTN Proses Bayaran | : | 16/6 | PTPTN Proses Bayaran | : | 30/6 |
| | Kredit Ke Akaun Peminjam | : | 24/6 | Kredit Ke Akaun Peminjam | : | 7/7 |
| **Semester 2** | **Kelompok 1** | | | **Kelompok 2** | | |
| | PTPTN hantar data Ke IPT | : | 1/8 | PTPTN hantar data Ke IPT | : | 17/8 |
| | PTPTN terima status pengajian pelajar daripada IPT | : | 14/8 | PTPTN terima status pengajian pelajar daripada IPT | : | 28/8 |
| | PTPTN Proses Bayaran | : | 16/8 | PTPTN Proses Bayaran | : | 30/8 |
| | Kredit Ke Akaun Peminjam | : | 24/8 | Kredit Ke Akaun Peminjam | : | 7/9 |
| **Semester 3** | **Kelompok 1** | | | **Kelompok 2** | | |
| | PTPTN hantar data Ke IPT | : | 1/1 | PTPTN hantar data Ke IPT | : | 17/1 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PTPTN terima status pengajian pelajar daripada IPT | : | 14/1 | PTPTN terima status pengajian pelajar daripada IPT | : | 28/1 |
| | PTPTN Proses Bayaran | : | 16/1 | PTPTN Proses Bayaran | : | 30/1 |
| | Kredit Ke Akaun Peminjam | : | 24/1 | Kredit Ke Akaun Peminjam | : | 7/2 |

**VI. Kadar Pinjaman**

| Peringkat Pengajian | Program | Kadar Pinjaman Setahun | | |
|---|---|---|---|---|
| | | **Maksimum (RM)** | **75% (RM)** | **50% (RM)** |
| **Diploma Sepenuh Masa** | Diploma Pengurusan (UDA) | 4750.00 | 3560.00 | 2380.00 |
| | Diploma Pengurusan Sumber Manusia (UDB) | | | |
| | Diploma Pengurusan Perniagaan (UDC) | | | |
| | Diploma Perakaunan (UDE) | | | |

**VII. Status Pengeluaran Pinjaman Pendidikan**

Pengeluaran pinjaman pendidikan tidak akan dibuat pada mana-mana semester atas sebab-sebab berikut:

a. Memperolehi keputusan peperiksaan PNG/ GPA kurang daripada 2.0;
b. Menangguhkan pengajian; atau
c. Digantung pengajian oleh IPT

UNIVERSITI MALAYA

Jadual pinjaman adalah seperti berikut:

| Pelajar IPTA dan Politeknik | | |
|---|---|---|
| **Contoh Semester Pengajian** | **PNG/ GPA** | **Status Bayaran** |
| Semester 1 | < 2.0 | Dibayar |
| Semester 2 | 2.0 dan ke atas | Dibayar |
| Semester 3 | < 2.0 | Tidak dibayar berasaskan peperiksaan Semester 1 |
| Semester 4 | 2.0 dan ke atas | Dibayar |
| Semester 5 | 2.0 dan ke atas | Tidak dibayar berasaskan peperiksaan Semester 3 |
| Semester 6 | 2.0 dan ke atas | Dibayar |

## PANDUAN DAN PERATURAN MENGISI DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PTPTN

1. Cetak dokumen tawaran pinjaman (jangan cetak double-sided)
2. Semak dokumen tawaran pinjaman
3. Sediakan setem hasil berjumlah RM10.00 sebanyak dua (2) keping
4. Lengkapkan maklumat dokumen tawaran pinjaman pendidikan PTPTN
5. Pastikan anda menyemak setiap helaian dokumen perjanjian pinjaman dan menurunkan tandatangan di mukasurat 2-15 dan Lampiran A.
6. Guna pen dakwat biru atau hitam sahaja (guna satu dakwat sahaja)
7. Pembatalan setem hasil dilakukan oleh pegawai PTPTN
8. Menyediakan salinan surat tawaran yang dipalang dua dan ditulis “Untuk Kegunaan PTPTN Sahaja” (Surat Tawaran Bersyarat **TIDAK BOLEH** digunakan untuk urusan ini)
9. Hantar dokumen tawaran pinjaman pendidikan PTPTN di pejabat PTPTN berhampiran atau Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMCCed.

   *Pihak PTPTN berhak menolak dokumen yang tidak lengkap, tidak kemas, kotor dan terlalu banyak kesilapan serta saksi yang tidak layak

UNIVERSITI MALAYA

**SYARAT KELAYAKAN SAKSI PELAJAR**

I. Saksi hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia

II. Individu yang layak menjadi SAKSI PELAJAR adalah seperti berikut:

a. Wakil Rakyat/Senator

b. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional

c. Pengamal Undang-undang

d. Jaksa Pendamai

e. Pengetua/ Guru Besar (sekolah kerajaan sahaja)

f. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas/ Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas

g. Ketua Kampung/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Masyarakat/ Sidang/ Pegawai Pembangunan Mukim

h. Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung)

i. Untuk SABAH dan Sarawak – Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Kapitan/ Pemanca/ Pegawai Taman Sabah

j. Pegawai-Pegawai UMCCED yang layak dan diiktiraf

Sila rujuk panduan mengisi Dokumen Perjanjian Pinjaman PTPTN di link ini: https://www.ptptn.gov.my/images/fail/pinjaman/panduan_isi_dok_pnjmn/pp_isi_dok_pinjaman_pin9.pdf

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai pinjaman PTPTN, sila hubungi :

**Cik Nurul Husna Binti Hasmi**

**Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMCCed**

**Tel : 03-2246 3353**

**H/p : 019-626 7357**

**Emel : nurul.husna@um.edu.my**

JEP/PTPTN/2021/nhh